# THE lean

FACULTY OF MANUFACTURING ENGINEERING

04



## PROFESSORIAL TALK BY PROF. DR MOHD RAZALI MUHAMAD

## ROBOCON 2009

## PROGRAM TAUTAN KASIH











Faculty of Manufacturing Engineering
University of Technical Malaysia Melaka (UTeM), Karung Berkunci No. 1752, Pejabat Pos Durian Tunggal, 76109 Durian Tunggal, Melaka.
Tel: 06-331 6019 / 6421 / 6429 | Fax: 06-331 6411 | Email : fkp@utem.edu.my

**Dr. Mohd Rizal Salleh**
...Dean, Faculty of Manufacturing Engineering

# dean's note

Assalamualaikum wrt w.b.t dan Salam Sejahtera.

Bersyukur kita ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan rahmatNya dapat kita bertemu kembali di dalam The Lean Edisi 4 yang yang bakal menceritakan rentetan aktiviti-aktiviti yang berlaku sepanjang 6 bulan pertama tahun 2009.

Fakulti telah merancang pelbagai aktiviti dan program sepanjang tahun ini bagi memenuhi KPI Pusat Tanggungjawab sekaligus untuk universiti amnya, namun semua yang dirancang ini adalah bertujuan untuk memenuhi misi dan visi fakulti bagi melaksanakan pengajaran dan pembelajaran kejuruteraan pembuatan yang berkualiti, serta penyelidikan dan perundingan yang perlu dilaksanakan secara berterusan.

Tahun 2009 turut menyaksikan aktiviti perpindahan kampus yang merupakan agenda penting yang melibatkan tiga lokasi utama iaitu; kampus industri , makmal Fasa B dan juga kampus induk di Durian Tunggal . Terima kasih dan syabas diucapkan kepada semua pihak yang telah bertungkus lumus dan memberi kerjasama sepenuhnya bagi memastikan kelancaran proses perpindahan tersebut.

Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Jawatankuasa Penerbitan di atas kelahiran The Lean Edisi 4 ini. Semoga buletin ini akan terus menjadi platfom kepada para pensyarah untuk mengasah bakat mereka dalam bidang penulisan dan penerbitan.

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan ribuan terima kasih kepada mantan dekan, Y. Bhg. Profesor Dr. Mohd Razali Muhamad, di atas segala usaha yang telah beliau curahkan dalam membangunkan fakulti ini. Diharap beliau akan terus menyumbangkan idea dan tenaga beliau bagi mengukuh dan memantapkan perjalanan dan pengurusan fakulti.

Akhir sekali, harapan saya semoga fakulti kita akan terus maju dan cemerlang di masa hadapan. Kegemilangan tidak akan tercapai melainkan dengan kerjasama dan komitmen dari semua pihak.

Selamat Maju Jaya dan Terima kasih.


THE lean
FACULTY OF MANUFACTURING ENGINEERING





THE lean
FACULTY OF MANUFACTURING ENGINEERING


# contents

SEPTEMBER 2009


02 **Dean's note**

## Highlights

03 Professorial Talk by Prof. Dr. Mohd Razali Muhamad

04 ROBOCON 2009

05 Program Tautan Kasih

## Staff activities

10 Industrial Visit

12 Industrial Talk

26 Seminar and Workshop

## Student activities

06 Program Tautan Kasih

28 Kem Jati Diri Siri 1 2009

## Publishing / Conferences

15 Technical Article

23 Research Grant

24 Exhibitions and Publications

29 **Faculty News & Information**

# SYARAHAN UMUM PELANTIKAN PROFESOR

*Saifudin Hafiz Yahaya*

Pada 11hb Februari 2009 yang lalu, Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP) telah berjaya menganjurkan satu syarahan umum pelantikan profesor untuk Yang Berbahagia Prof. Dr. Mohd Razali Muhamad. Penganjuran syarahan umum ini adalah yang kedua kalinya dianjurkan oleh fakulti di mana penganjuran yang julung kali diadakan pada tahun 2007.

Antara tujuan penganjuran syarahan ini diadakan adalah untuk menyediakan satu wacana platform yang berguna kepada seorang profesor untuk berkongsi kepada umum tentang hasil pencapaiannya di dalam bidang akademik samada dalam penyelidikan mahupun aspek pengajaran dan pembelajaran seterusnya sumbangan-sumbangan lain beliau.

Pada hari tersebut, Prof. Dr Mohd. Razali telah menyampaikan syarahan yang bertajuk "Manufacturing Competitiveness: From Strategy to Process" bertempat di Auditorium, UTeM. Syarahan ini telah berjaya mendapat sambutan yang luar biasa di mana ianya telah dihadiri oleh seramai 200 orang tetamu dari dalam dan luar UTeM yang telah memenuhi di segenap ruang yang ada di dalam auditorium tersebut. Naib canselor, UTeM merupakan antara tetamu kehormat yang hadir. Di dalam syarahan tersebut, Prof. Dr. Mohd. Razali ada menekankan bagaimana kita dapat menstrategikan sesuatu perkara dengan jayanya sebelum pemprosesan strategi tersebut di laksanakan. Syarahan ini merupakan antara projek yang berjaya dianjurkan dengan gemilangnya oleh FKP dan diharapkan pada masa akan datang, FKP akan terus mantap sejajar dengan Pelan Strategik Pendidikan Tinggi Negara (PSPTN).

> "... kita dapat menstrategikan sesuatu perkara dengan jayanya sebelum pemprosesan strategi tersebut dilaksanakan.

# Robocon ABU Asia-Pacific Robot Contest 2009 MALAYSIA

## highlights

*Syamimi Shamsuddin & Mahasan Mat Ali*

Pertandingan ROBOCON yang menjadi program tahunan staf dan pelajar Jabatan Robotik & Automasi Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP) telah berlangsung dari 5 hingga 10 Mei 2009 yang lalu di Stadium Malawati, Shah Alam. ROBOCON adalah acara tahunan khusus untuk pelajar-pelajar institut pengajian tinggi awam dan swasta. Penyertaan pada kali ini merupakan penyertaan kali ke-5 untuk pelajar dari Jabatan Robotik & Automasi FKP.

Tema pertandingan ROBOCON 2009 ialah 'Travel Together for the Victory Drums'.

*"Travel Together for the Victory Drums is a game based on an imaginary journey of olden days using the Kago palanquin. An Automatic Carrier Robot at the front and a Manual Carrier Robot at the rear shall cooperate to carry an automatic Traveler Robot in a Kago to the goal with the aim of completing the journey before the other team. Each match lasts for three minutes."*

## Pasukan ROBOCON FKP

Untuk pertandingan Robocon 2009, FKP telah menghantar satu pasukan bagi menggalas cabaran kali ini. Keanggotaan pasukan ROBOCON 2009 terdiri dari 6 orang pelajar Tahun 1, 12 pelajar Tahun 2 dan 8 orang pelajar tahun akhir. Pasukan ini telah mula dibentuk sejak September 2008. Staf FKP yang terlibat aktif adalah En Mahasan Mat Ali, En Muhamad Asari Abdul Rahim, Puan Syamimi Shamsuddin dan En Shariman Abdullah.

Terdapat 3 buah robot yang telah dibina iaitu sebuah robot manual dan 2 robot berautonomi (*autonomous*). Ketiga-tiga robot ini adalah hasil Projek Sarjana Muda (PSM) pelajar Jabatan Robotik & Automasi sendiri.



(Kiri ke kanan) Robot Manual, Robot Automatik 1, Robot "Traveller" (Automatik)



## Amanat oleh Naib Canselor UTeM

Pasukan dari FKP amat berbesar hati kerana mendapat kunjungan hormat dari Yang Berbahagia Professor Dr. Ahmad Yusoff bin Hassan Naib Canselor UTeM sehari sebelum bertolak ke Shah Alam. Semasa lawatan tersebut, beliau sempat menyaksikan demonstrasi robot-robot yang akan dipertandingkan. Beliau turut menyampaikan amanat kepada kontinjen FKP agar dapat membawa pulang pencapaian terbaik dalam pertandingan tahun ini.

## Keputusan ROBOCON 2009

Pasukan dari FKP telah diundi dalam Kumpulan-H bersama-sama dengan 3 buah institusi pengajian tinggi yang lain. Keputusannya, pasukan FKP menang dalam perlawanan menentang Universiti Perguruan Sultan Idris (UPSI) dan kalah dalam baki 2 perlawanan lagi menentang Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Institut Latihan Perindustrian Kota Bharu (ILPKB).

Ini menyebabkan FKP tidak layak ke pusingan seterusnya. Secara asasnya, persiapan ROBOCON 2009 adalah lebih baik jika dibandingkan dengan tahun-tahun yang sebelumnya. Namun faktor-faktor seperti kekurangan latihan, masalah teknikal dan faktor kelicinan gelanggang sebenar menyebabkan pasukan FKP gagal untuk ke pusingan suku akhir. Namun begitu, semangat jitu dan komitmen tinggi yang telah ditunjukkan oleh ahli-ahli pasukan wajar mendapat pujian. Diharapkan pasukan ROBOCON 2010 FKP akan dapat menjulang nama UTeM dengan kejayaan yang lebih membanggakan.

# PROGRAM TAUTAN KASIH

*Nurazua binti Mohd Yusop dan Wan Hasrulnizzam Wan Mahmood*

Program tautan kasih atau lebih dikenali sebagai program bakti siswa ini telah dilaksanakan dengan jayanya di Kampung Bukit Gemuroh, Mukim Tersat, Daerah Hulu Terengganu, Terengganu Darul Iman dengan disertai seramai 69 orang pelajar Fakulti Kejuruteraan Pembuatan, Universiti Teknikal Malaysia Melaka. Dengan tema Mahasiswa Gemilang, Negara Terbilang, program ini telah berlangsung dari 30 April hingga 4 Mei 2009.

Dengan kerjasama daripada pihak penganjur yang terdiri daripada Persatuan Pelajar Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (SME), Universiti Teknikal Malaysia Melaka, Pejabat Daerah Hulu Terengganu (PDHT) dan JKKK Bukit Gemuroh, program ini dijalankan untuk memenuhi objektif- objektif seperti berikut:

- Memberikan pendedahan kepada mahasiswa tentang senario semasa berkaitan dengan perkembangan ekonomi dan sosial di desa.
- Menjalinkan ukhwah sesama pelajar FKP dan dengan masyarakat luar.
- Meningkatkan rasa tanggungjawab masyarakat kepada isu- isu kemasyarakatan.
- Memberi pendedahan tentang kehidupan universiti kepada generasi muda.

Dengan diringi oleh pensyarah pengiring iaitu Encik Tajul Ariffin Abdullah, Encik Mohd Shahir Kasim dan Encik Jeefferie Abd Razak, Penyelaras program, Encik Wan Hasrulnizzam Wan Mahmood, amat berpuas hati dengan pelaksanaan dan kejayaan program yang julung kali diadakan ini. Menurut beliau, di antaranya adalah; program ini telah meningkatkan kesedaran mahasiswa/wi terhadap peranan dan tanggungjawab mereka kepada masyarakat desa. Selain itu, program ini juga secara tidak langsung telah meningkatkan kemahiran insaniah dari segi kerja berpasukan, penyelesaian masalah, komunikasi, pemikiran kreatif, bertolak ansur dan motivasi diri. Di samping itu, program ini juga telah dapat menyuntik semangat kerjasama di kalangan mahasiswa/wi dengan masyarakat desa dan kesedaran terhadap pendidikan tinggi di kalangan masyarakat. Seterusnya, menerusi program ini juga, pelbagai respon positif telah diperolehi dari kedua-dua belah pihak iaitu mahasiswa/wi dan penduduk kampung Bukit Gemuroh terhadap Universiti Malaysia Melaka umumnya dan Fakulti Kejuruteraan Pembuatan khususnya.

*(Lagi gambar dan laporan di muka sebelah)*

STUDENT ACTIVITIES

# PROGRAM TAUTAN KASIH

*Norhidayah Muhamad Dahari – SME*

Pada hari Khamis, 30 April 2009, seramai 67 orang pelajar Fakulti Kejuruteraan Pembuatan termasuk 13 orang AJK SME telah mengikuti Program Tautan Kasih. Rombongan ini diiringi oleh 4 orang pensyarah pengirng iaitu En. Wan Hasrulnizzam Bin Wan Mahmood, En. Tajul Ariffin Bin Abdullah, En. Jeeferie Bin Abd. Razak dan En. Shahir Bin Kassim. Lawatan ini dianjurkan oleh Society of Manufacturing Engineers (SME) dengan kerjasama Fakulti Kejuruteraan Pembuatan dan Pejabat Daerah Hulu Terengganu. Objektif program ini adalah untuk mendedahkan kepada mahasiswa tentang perkembangan ekonomi dan sosial di desa. Selain itu program ini sekaligus meningkatkan rasa tanggungjawab masyarakat kepada isu-isu kemasyarakatan. Secara tidak langsung program ini memberikan pendedahan kepada generasi muda tentang kehidupan di universiti.

Kami telah memulakan perjalanan pada 30 April 2009 jam 10.00 malam dari Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM). Pihak UTeM telah menyediakan 2 buah bas untuk pengangkutan sepanjang program dijalankan. Dalam perjalanan kami telah singgah di Masjid Hulu Terengganu, pada 1 Mei 2009 jam 6.00 pagi untuk menunaikan solat subuh dan sarapan pagi. Kemudian kami meneruskan perjalanan pada jam 9.00 pagi dan kami tiba di Dewan Masyarakat Kg. Bkt. Gemuroh pada jam 10.00 pagi. Setibanya kami di Dewan Masyarakat beberapa persiapan dilakukan bagi upacara perasmian. Program ini telah dirasmikan oleh YB. Tuan Haji Mohd Nor Bin Othman (Ahli Parlimen Hulu Terengganu). Selepas upacara perasmian, mahasiswa diserahkan kepada keluarga angkat. Pada waktu petang pula program sukan telah diadakan di Padang Sekolah Kebangsaan Bukit Gemuroh dan diikuti sebelah malam program kerohanian di Masjid Kampung Bukit Gemuroh.

Pada keesokan harinya iaitu 2 Mei 2009, pada sebelah pagi kami melakukan aktiviti gotong-royong bersepadu penduduk bersama mahasiswa. Beberapa kumpulan telah diagihkan mengikut tugas yang diberikan. Jamuan untuk makan tengahari disediakan oleh mahasiswa dan penduduk melalui aktiviti kenduri kampung di Gelanggang Bola Tampar Kg. Bukit Gemuroh. Pada sebelah petang ialah program sukaneka mahasiswa bersama penduduk. Aktiviti ini dijalankan di Padang Sekolah Kebangsaan Bukit Gemuroh. Pada sebelah malam pula mahasiswa diberi peluang untuk meluangkan masa bersama keluarga angkat. Pada 3 Mei 2009, pada sebelah pagi, mahasiswa melibatkan diri dengan aktiviti bersama pelajar tingkatan 4 dan 5 SMK Tersat. Mahasiswa diberi tugas menjadi fasilitator kepada para pelajar dan berkongsi pengalaman belajar di universiti. Pada sebelah malam pula merupakan acara kemuncak program ini iaitu Malam Kebudayaan dan diikuti Majlis Perasmian Penutup. Majlis ini telah dirasmikan oleh YB. En. Rozi Bin Mamat (ADUN Kawasan Telemong).

Hari terakhir program ini iaitu 4 Mei 2009 merupakan hari perpisahan antara mahasiswa dan keluarga angkat. Suasana di perkarangan Masjid Kg. Bkt. Gemuroh kelihatan sayu. Tepat jam 10.00 pagi kami bertolak menuju ke Stesen TNB Kenyir. Lawatan ke stesen ini memberi pendedahan kepada kami tentang sistem janakuasa. Selepas melawat Stesen TNB Kenyir, aktiviti terakhir kami ialah berjalan-jalan di kawasan Bandar Kuala Terengganu. Tepat jam 3.00 petang kami bergerak pulang ke UTeM dan kami sampai di UTeM pada pukul 2.00 pagi.

# STUDENT ACTIVITIES















STUDENT ACTIVITIES

# KEM JATI DIRI SIRI 1 2009 KEM NUR LEMBAH PANGSUN

*Afiqah Bt Amran – SME*


Pada 27 Februari 2009 sehingga 1 Mac 2009 2009 telah diadakan KEM JATI DIRI SIRI 1 2009 di Kem Nur Lembah Pangsun, Ulu Langat, Selangor. Berikut adalah aktiviti-aktiviti yang telah dilaksanakan selama tiga hari.

**Hari Pertama : 27 Februari 2009 (Jumaat)**

Seramai 73 orang peserta Kem Jati Diri Siri 1 2009 serta 2 orang pensyarah pengiring (Encik Wan Hasrulnizam b Wan Mahmod dan Encik Yuhazri b Yaakob) telah mendaftar untuk mengikuti kem ini iaitu:

4 orang fasilitator
40 orang pelajar perempuan
29 orang pelajar lelaki
Encik Wan Hasrulnizam b Wan Mahmod
Encik Mohd Yuhazri b Yaakob

Kesemua peserta lelaki dan perempuan berkumpul di perkarangan Kampus Industri dan bas mula bertolak pada jam 10.00 pagi dengan dua buah bas membawa para peserta. Peserta tiba di Pekan Ulu Langat pada jam 12.30 tengah hari dan makan tengah hari di Pekan Ulu Langat. Peserta lelaki bersolat Jumaat di Masjid Ulu Langat pada jam 1.30 petang. Tepat jam 2.15 petang, kami tiba di Kem Nur Lembah Pangsun dan disambut oleh staf di sana. Selesai pembahagian khemah diadakan, kami memulakan pemasangan khemah di tapak perkhemahan yang disediakan. Terdapat 6 buah khemah yang diduduki oleh 4 orang peserta dan selebihnya 3 orang peserta satu khemah.

Acara petang itu bermula jam 5.00 petang dengan majlis perasmian oleh Encik Wan Hasrulnizam di Dewan Al- Hambra. Sedikit jamuan minum petang disediakan oleh pihak Nur Lembah Pangsun pada jam 5.30 petang. Sesi seterusnya dikendalikan oleh Ketua Fasilitator, Saudara Al- Amin serta semua fasilitator bagi slot 'Ice Breaking'. Makan malam disediakan pada jam 6.30 petang. Peserta bersiap sedia untuk berjemaah di surau Nur Lembah Pangsun selepas selesai makan malam. Aktiviti pertama pada malam itu diadakan di Dewan Al- Hambra sekali lagi. Sebelum memulakan slot pada malam itu, seorang Penghulu dan seorang Penghuluwati bagi mewakili peserta lelaki dan peserta perempuan. Atas undian para peserta, kami sebulat suara memilih Saudara Mohd Azfar b Mustafa dan Nor Asma bt Zainudin sebagai Penghulu dan Penghuluwati.

Bermula jam 8.30 malam, semua peserta dikumpulkan sekali lagi di Dewan Al- Hambra untuk menjalankan aktiviti 'indoor'. Tujuh buah kumpulan dibahagikan dengan setiap kumpulan terdiri daripada sembilan ke sepuluh orang ahli. Bagi memenuhi masa yang ada, lima jenis aktiviti diperkenalkan kepada kami. Bermula dengan tepukan tangan dan nyanyian lagu berpandukan belon yang diberi. Bagi menguji sikap kerjasama sesama ahli kumpulan, setiap ahli diberi sebiji belon dan memilih sebiji belon yang terbaik untuk ditampar kepada setiap ahli kumpulan. Kerjasama antara ahli akan membuatkan belon yang ditampar tidak akan jatuh. Seterusnya, setiap kumpulan diberi sepaket kacang untuk aktiviti seterusnya. Kesimpulan dari kacang tersebut, para peserta akan sedar bahawa, setiap kerja yang dilakukan tidaklah mudah seperti mengopek kacang. Aktiviti terakhir pada malam itu adalah membina penampan telur menggunakan straw agar telur yang dilepaskan tidak akan pecah.

Selesai kesemua LDK, sekali lagi kumpulan dirombak untuk diagihkan kepada 7 buah kumpulan lain. Setiap kumpulan masih terdiri daripada sembilan ke sepuluh orang. Setiap kumpulan diberi nama bertemakan ikan. Antara nama- nama ikan yang dipilih sebagai nama kumpulan ialah ikan araphaima, ikan kekek, ikak emas, ikan kelah, ikan haruan, ikan kaloi dan ikan sepat. Aktiviti pada malam tersebut tamat pada jam 12.30 pagi.

**Hari Ke Dua : 28 Februari 2009 (Sabtu)**

Jam 6.00 pagi, para peserta berkumpul di Dewan Al- Hambra untuk solat subuh berjemaah. Sedikit tazkirah pagi disampaikan oleh Saudara Al- Amin sebagai santapan rohani para peserta sebelum memulakan aktiviti yang mencabar. Sarapan pagi disediakan pada jam 7.15 pagi oleh pihak Nur Lembah Pangsun. Bagi aktiviti pertama, peserta dibawa masuk ke Hutan Simpan Ulu Langat untuk aktiviti Jungle Tracking. Peserta dipimpin oleh jurupandu yang bertauliah dari kem tersebut yang seramai empat orang. Pendakian sebelum tiba di jeram mengambil masa selama

sambil diberi peluang untuk membasahkan diri. Seorang peserta iaitu Nur Hamizah mengalami kecederaan pada kaki beliau. Sewaktu menuruni bukit, Hamizah dipimpin turun oleh AJK Kebajikan selepas diberi rawatan ringan. Kesemua peserta tiba di bawah semula pada jam 12.00 tengah hari. Jamuan makan tengah hari telah disediakan di dewan makan seperti selalu.

Jam 2.30 petang, aktiviti kedua dijalankan dengan aktiviti obstacle. Sebanyak lapan halangan ditempuh oleh para peserta. Setiap kumpulan dilepaskan satu persatu agar tidak berlaku pertembungan antara satu kumpulan dengan kumpulan yang lain. Selesai aktiviti obstacle, setiap kumpulan dilepaskan ke aktiviti seterusnya iaitu lake crossing. AJK Tugas- Tugas Khas turut membantu menjalankan aktiviti lake crossing ini bagi menambahkan lagi cabaran untuk menyeberangi tasik. Aktiviti pada petang tersebut tamat pada jam 6.30 petang. Para peserta terus ke dewan makan untuk makan malam dan seterusnya bersiap sedia untuk solat maghrib berjemaah.

Selesai solat, sedikit santapan rohani diberikan sekali lagi oleh Saudara Al- Amin. Tazkirah yang disampaikan berkisar isu Palestine dan Masjid Al- Aqsa. Tanggungjawab umat Islam ditekankan kepada semua peserta dan peranan sebagai umat Islam dalam membantu dan mengembalikan semula maruah Islam. Pada jam 8.30 malam, satu sesi ceramah oleh bekas pelajar UTeM iaitu Saudara Adib didatangkan khas untuk menceritakan pengalaman beliau semasa mencari kerja dan pengalaman beliau bekerja sekarang. Beliau kini sedang bertugas sebagai jurutera di syarikat Toyota. Aktiviti yang sepatutnya dijalankan pada jam 10.00 malam iaitu Night Walk terpaksa dibatalkan kerana keadaan cuaca yang tidak mengizinkan dan keadaan jalan yang licin. Slot malam digantikan dengan malam kebudayaan. Setiap kumpulan diwajibkan mengadakan persembahan dengan bertemakan ikan. Slot ini berjaya mengurangkan ketegangan dalam diri setiap peserta setelah penat pada siang hari dengan aktiviti- aktiviti berat. Slot malam tersebut berakhir pada jam 1.00 pagi. Semua peserta dibenarkan pulang ke khemah masing- masing. Namun demikian, peserta perempuan terpaksa berpindah ke dewan pada malam tersebut kerana khemah peserta dimasuki air.

**Hari Ke Tiga : 1 Mac 2009 (Ahad)**

Seperti hari-hari sebelumnya, para peserta bersolat subuh berjemaah di dewan dan tazkirah pagi disampaikan oleh Saudara Al-Amin. Sarapan pagi disediakan pada pagi itu pada jam 7.30 pagi sehingga 8.00 pagi. Bermula jam 8.30 pagi, para peserta berkumpul untuk aktiviti pada pagi tersebut iaitu flying fox. Peserta dilepaskan secara berpasangan dan ada juga yang bersendirian. Seterusnya, bagi peserta yang selesai melakukan flying fox, mereka membuat persembahan ringan bagi mengisi masa sambil menunggu peserta lain menyudahkan terjunan mereka. Flying fox tamat pada jam 10.30 pagi.

Jam 10.45 pagi, semua peserta berkumpul semula di Dewan Al -Hambra untuk majlis penutupan. Majlis ini dirasmikan oleh Encik Wan Hasrulnizam. Beliau turut merumuskan aktiviti sepanjang 3 hari 2 malam ini. Beliau mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada semua yang telah menjayakan program kali ini. Seterusnya ucapan dari Penghulu dan Penghuluwati dan diikuti dengan ucapan dari semua AJK Kem Jati Diri ini yang dimulakan dengan Saudara Azril selaku Pengarah Program. Tidak ketinggalan ucapan dari Encik Yuhazri, para fasilitator dan Saudara Adib. Majlis penutupan taman pada jam 12.00 tengah hari. Para peserta bersurai ke khemah masing-masing untuk bersiap sedia untuk pulang. Makan tengah hari turut disediakan.

Bas UTeM tiba di perkarangan Kem Nur Lembah Pangsun pada jam 1.45 petang. Semua peserta berangkat pulang ke Melaka pada jam 2.30 petang selepas selesai mengemas dan membersihkan tapak khemah masing- masing. Kerjasama antara peserta membuktikan pelajar Universiti Teknikal Malaysia Melaka khususnya Fakulti Kejuruteraan Pembuatan ini amat bertanggungjawab terhadap kebersihan alam sekitar walaupun berada di tempat lain. Perjalanan mengambil masa selama hampir dua jam. Mereka tiba di kolej kediaman masing-masing pada jam 4.30 petang.

**RUMUSAN KESELURUHAN PROGRAM**

Pada keseluruhannya, program yang dirancang ini telah berjalan dengan lancarnya seperti mana yang telah diharapkan. Bermula hari pertama dijalankan sehinggalah hari terakhir dijalankan, semua peserta menunjukkan kepuasan yang melegakan hati ahli jawatan kuasa yang terlibat secara langsung dan tidak langsung. Peserta menunjukkan jati diri yang tinggi dalam setiap aktiviti yang dijalankan dan sikap yang ditunjukkan juga amat memuaskan. Masing- masing bertanggungjawab terhadap rakan masing-masing dan juga terhadap alam sekitar. Sikap toleransi yang ditunjukkan juga amat memuaskan. Bagi semua fasilitator, mereka telah melaksanakan tanggungjawab yang sehingga mencapai objekif seperti yang diharapkan. Aktiviti tidak hanya berfokuskan aktiviti lasak atau outdoor semata- mata malah, pengisian lain seperti ceramah, LDK dan persembahan turut menarik minat peserta kem untuk melibatkan diri sepenuhnya. Akhir sekali, harapan saya agar aktiviti seperti ini dapat dijalankan pada setiap sesi dan menaikkan semula nama SME yang agak tenggelam sejak kebelakangan ini.

# INDUSTRIAL VISIT

## IMPRESSIVE EDGE SDN. BHD.

*Associate Professor Chong Kuan Eng*

On the 11th of March 2009, 52 final year students from the Department of Manufacturing Management and 3 lecturers from the Faculty of Manufacturing Engineering participated in an industrial visit to Impressive Edge Sdn. Bhd. The company, located at the Cheng Technology Park, Melaka, specializes in precision engineering and machining for Mould, Die, I.C. Cavity, Trim and Form Die Set, Tungsten Carbide Precision Parts and precision spare parts fabrication. The company clientele includes leading MNCs in Malaysia, USA, Germany and China.

The purpose of the visit is to provide our students a firsthand experience of a real manufacturing environment, particularly in the area of high precision engineering and machining. We started off at about 2.30pm when everyone boarded the University bus for a 15 minutes ride to the company. The first agenda of the visit was a briefing on the company's background, products and activities. This was followed by the actual factory tour, where we were divided into 2 smaller but more manageable groups. Each group was shown around the various production areas. Since the company produces a variety of customized products in relatively small batches (high mix, low volume products), the production facility is compartmentalized into departments in a process layout configuration. We were briefed on the various processes, machines and also the complexities of high precision machining. The company prides itself with the capability to machine precision parts with complex geometries to an accuracy of ± 2 micron to ± 5 micron.

The students were exposed to both conventional and high speed, high precision machines which includes CNC machining centre, EDM, high precision grinding machines, cylindrical grinders and super drills to mention a few. The visit also provided some insights of the functions of the QC department of the company. A Q&A session followed after the factory tour and we headed back to campus at about 4.30pm. Feedbacks from the students indicated that the visit was most informative and it provided them with a wider perspective visit to their factory.

## PERUSAHAAN OTOMOBIL NASIONAL SDN. BHD. (PONSB)

*Nurazua binti Mohd Yusop*


Satu lawatan ke Perusahaan Otomobil Nasional Berhad (Proton Berhad) telah diadakan pada 19 Februari 2009 yang lepas. Lawatan ini telah disertai oleh Timbalan Dekan Akademik; En Ab Rahim Samsudin, Ketua Jabatan Rekabentuk Pembuatan; En Tajul bin Abdullah, Pn Nurazua binti Mohd Yusop, Pn Nur Aidawaty bt Rafan dan 2 orang pelajar dari Jabatan Rekabentuk Pembuatan. Walaupun tujuan utama lawatan ini adalah untuk pelajar tersebut mendapatkan data daripada pihak Proton Berhad untuk digunakan didalam Projek Sarjana Muda, namun di kesempatan itu, satu perbincangan juga telah berlangsung dengan jayanya. Pihak Proton Berhad memberi respon yang positif untuk memberi kerjasama dengan fakulti terutama di dalam bidang penyelidikan dan pembangunan. Disamping itu, peserta lawatan juga turut dibawa melawat ke 'production line' untuk mendapat pendedahan tentang suasana sebenar kilang automotif tempatan. Para peserta lawatan amat berpuas hati dan berharap supaya program lawatan seperti ini dapat dianjurkan lagi pada masa hadapan.

# INDUSTRIAL VISIT

## LAWATAN JABATAN ROBOTIK & AUTOMASI KE CAIRO, UTM

*Syamimi bt Shamsuddin*


Center for Artificial Intelligence and Robotics (CAIRO) yang terletak di Kampus Bandar UTM Jalan Semarak telah ditubuhkan 12 tahun yang lalu dan kini menjadi pelopor penyelidikan dan pembangunan dalam bidang kecerdikan buatan, robotik dan automasi di negara ini.

Di atas reputasi inilah 6 orang pensyarah dari Jabatan Robotik & Automasi (R&A) telah mengadakan lawatan ke CAIRO pada 14 Mei 2009 lalu. Lawatan ini diadakan dengan hasrat untuk memperkenalkan Jabatan Robotik & Automasi FKP kepada pihak Universiti Teknologi Malaysia (UTM), khususnya CAIRO sendiri. Lawatan ini juga bertujuan mendapatkan kerjasama, tunjuk ajar dan bimbingan dari CAIRO berkenaan aspek penyelidikan dalam bidang robotik dan automasi. Ini kerana jabatan R&A yang masih 'mentah' dan baru ditubuhkan selama 6 tahun amat mengalu-alukan kerjasama dengan pusat penyelidikan tersohor seperti CAIRO.

Semasa kunjungan ini, Dr Zamberi Jamaludin selaku Ketua Jabatan telah membentangkan sejarah penubuhan Jabatan R&A di UTeM, aktiviti penyelidikan jabatan serta subjek-subjek khusus jabatan yang ditawarkan untuk pelajar diploma dan Sarjana Muda di FKP.

Pihak CAIRO amat berbesar hati dengan lawatan ini dan rombongan dari Jabatan R&A telah disambut sendiri oleh Prof. Dr. Marzuki Khalid, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi) Universiti Teknologi Malaysia.

Berkenaan isu kerjasama, CAIRO telah mencadangkan agar selain dari menjalankan geran penyelidikan bersama CAIRO-UTeM, Jabatan R&A juga dipelawa untuk menghantar seorang staf untuk menyambung penyelidikan di peringkat PhD di CAIRO. Sememangnya jalinan usahasama yang erat antara UTeM dengan pihak CAIRO di masa akan datang dijangkakan dapat melahirkan projek penyelidikan dan juga cendekiawan yang disegani di Malaysia dan peringkat antarabangsa.

## PETRONAS PENAPISAN MELAKA SDN BHD

*Nur Aidawaty Rafan*

Satu lawatan industri ke Petronas Penapisan Melaka Sdn Bhd di Sg Udang, Melaka telah diadakan pada 7 Januari 2009 yang lalu. Lawatan singkat ini telah disertai oleh sebilangan pelajar 4 BMFA yang menjalankan projek sarjana muda di bawah seliaan Pn Nur Aidawaty Rafan dan Pn Silah Hayati Kamsani. Pelajar-pelajar ini telah diiringi oleh 4 orang pensyarah dari Jabatan Robotik dan Automasi dan Jabatan Rekabentuk Pembuatan. Tujuan utama lawatan ini adalah untuk memberi pendedahan tentang situasi sebenar di dalam industri minyak dan gas, dan kepentingan dan proses sistem kawalan di dalam bahagian COGEN, 'utility' dan 'sulphur recovery unit'

Sesi lawatan ini dimulai dengan sedikit taklimat operasi yang dijalankan oleh Petronas Penapisan Melaka Sdn Bhd dan syarikat gergasi Petronas secara umumnya yang telah disampaikan oleh En Mokhtar, Bahagian Sumber Manusia. Kemudian, ceramah berkenaan 'Penggunaan Instrumentasi dan Kawalan di Petronas Penapisan Melaka' telah disampaikan oleh En Fauzi, jurutera instrumentasi di unit COGEN selama 20 minit. Sejurus selepas itu, rombongan lawatan telah dibawa ke unit COGEN dan 'sulphur recovery' untuk melihat dengan lebih dekat lagi sistem dan operasi unit tersebut. Dalam masa yang sama, sedikit penerangan ringkas telah diberikan oleh En Muhammad Izzat selaku jurutera operasi di COGEN tentang apa itu 'gas turbine generator' dan 'steam turbine generator' yang merupakan komponen penting di dalam sistem COGEN. Semasa sesi lawatan ini dijalankan, pelajar-pelajar kelihatan teruja mendengar penerangan yang diberikan oleh jurutera-jurutera di sana dan aktif bertanyakan soalan-soalan yang berkaitan. Sesi lawatan ini telah diakhiri dengan sesi bergambar di lobi bangunan PPMSB bersama jurutera-jurutera yang terlibat. Semoga lawatan industri sebegini dapat diteruskan dengan harapan dapat membina keyakinan pelajar-pelajar agar terus berdaya saing dan menambah pengetahuan sedia ada.

THE lean
FACULTY OF MANUFACTURING ENGINEERING

## SEMINAR PEMBUATAN OLEH PROFESOR BERNARD HON, UNIVERSITY OF LIVERPOOL

*Muzalna binti Mohd Jusoh*

Bertarikh 11 Jun 2009, bertempat di Auditorium UTeM, Fakulti Kejuruteraan Pembuatan telah menganjurkan Seminar Pembuatan yang disampaikan oleh Profesor Bernard Hon daripada University of Liverpool dengan jayanya. Seminar yang dihadiri oleh ahli akademik IPTA/S, wakil-wakil industri, wakil-wakil dari agensi kerajaan dan orang awam ini merupakan antara usaha universiti dalam memperkenalkan UTeM ke persada antarabangsa di samping tempatan.

Pengerusi program, Dr. Mohd Rizal bin Salleh menyatakan antara lain objektif seminar ini adalah untuk;

i) Menyediakan platform kepada seseorang profesor dari universiti terkenal antarabangsa menyampaikan kepada warga akademik hasil pencapaian dan kecemerlangan beliau di bidang akademik.
ii) Menghebahkan kepada industri dan institusi pengajian tinggi awam dan swasta mengenai kepakaran yang ada pada diri pembentang untuk mewujudkan jalinan kerjasama yang mantap.
iii) Menggalakkan profesor dan staf akademik lain untuk terus aktif melaksanakan aktiviti penyelidikan dan meningkatkan profesionalisme diri.

Diharapkan seminar ini menjadi wadah kepada para ahli akademik untuk terus berusaha dalam penyelidikan dan penerbitan bahan ilmiah serta sumbangan masyarakat.

## "PC BASED CONTROL: THEORY AND APPLICATION IN INDUSTRY"

*Nur Aidawaty Rafan*

Sebagai pendedahan kepada pelajar tentang apa itu kawalan berasaskan komputer peribadi atau 'PC Based Control' serta kegunaannya , satu ceramah telah diadakan pada 25 Februari 2009 bertempat di Bilik Kuliah 17, Kampus Industri. Ceramah ini telah disampaikan oleh En Tam Ji How. Beliau merupakan pengurus di AI Automation Sdn Bhd, Seremban dan sangat berpengalaman di dalam bidang 'PC Based Control' dan 'PLC'. Secara asasnya, ceramah yang telah diadakan selama 2 jam ini bertujuan:

- Memberikan pendedahan kepada para pelajar tentang asas dan aplikasi "PC Based Control"
- Memberi peluang kepada para pelajar untuk berdiskusi secara terus dengan penceramah jemputan dari industri agar pelajar dapat menambah keyakinan untuk terus berjaya dalam pengajian mereka.
- Mewujudkan kerjasama dan hubungan mesra antara fakulti dan industri, yang seterusnya dapat memberikan faedah bersama.

Di akhir ceramah ini, penceramah telah menunjukkan demo ringkas tentang aplikasi PC Based Control di dalam penggunaan 'Touch Screen monitor'. Hasil daripada demonstrasi dan penerangan ringkas tentang PC based Control, sebilangan pelajar telah tertarik dan ingin mengetahui dengan lebih lanjut tentang aplikasi teknologi ini. Justeru, inisiatif sebegini haruslah diteruskan supaya menjadi aktiviti yang mesti diadakan bagi mengukuhkan kefahaman pelajar tentang sesuatu topik atau subjek.

# INDUSTRIAL TALK

## VALUE ENGINEERING

*Associate Professor Chong Kuan Eng*

The Manufacturing Management Department of the Faculty of Manufacturing Engineering organized a talk on Value Engineering at 2pm, 26 March 2009 at the UTeM's Auditorium in the Durian Tunggal Campus. The event was coordinated by Associate Professor Chong Kuan Eng and was attended by all final year students from the department. The invited speaker was Dr. Bong Cheng Siong, Senior Manager (Productivity & Quality Management) from Besi APac Sdn. Bhd. Dr. Bong previously held senior positions with Infineon Technologies (Malaysia) Sdn. Bhd, and Creative Cubic Electronics (M) Sdn, Bhd. Besi Apac Sdn. Bhd., located in Shah Alam is a subsidiary of BE Semiconductor Industries , Netherlands and is leading manufacturer of specialized equipment for the semiconductor industry.

The primary objective of the talk was to introduce the concept of Value Engineering to our students and more importantly to provide a clearer understanding of its implementation in Besi APac. Secondary objectives are to introduce the BESI group of companies and to offer career opportunities to UTeM's graduates. The talk also created opportunities for potential R&D collaboration between UTeM and the comapny. The Manufacturing Management Department believes that such event is beneficial for both students and the faculty and will undertake to organize more industrial talks in the future.




## THE CHALLENGES IN MANUFACTURING METROLOGY

*Mohammad Kamil Sued*

On 12 March 2008, an Industrial Talk was organized by the Department of Manufacturing Process and System . The event took place at BK5 and BK6, UTeM industry campus, Ayer Keroh from 2:30 pm to 4:30 pm. The speaker, Seah Leong Ho was invited from the Sendi Mahir Sdn. Bhd. He is currently holding the position of quality manager and executive director of that company. The company is establish in 1995 and offers calibration and training services for most measurement instruments. The objectives of the talk are:

- To introduce the application of Manufacturing Metrology in industry.
- To expose the students regarding challenges in working environment.
- To promote the collaboration between industry and university.

Students that register DMFD 3542 – Engineering Metrology semester 1 2009/2010, attended the talk as one of the compulsory components of this subject. Some of the lectures form Manufacturing Process and System also present during the talk. The talk was chaired by Mr. Nor Alif Ikhwan student from 3DMF. After the greetings speech delivered by Mr. Mohammad Kamil Sued as the lecturer for DMFD 3542 –Engineering Metrology and the project leader of the talk, Mr. Seah Leng Ho presented his presentation. The presentations were divided to three sections that are Metrology, Measurement and Calibration. The presentation is able to attract the attention of the participant. At the end of the talk, Mr. Mohammad Kamil Sued gave the souvenirs to Mr. Seah Leng Ho and refreshment was served.

THE lean
FACULTY OF MANUFACTURING ENGINEERING

# CERAMAH KERJAYA JABATAN PROSES

*Mohd Ridzuan Jamli*

Pada 28hb Mac 2009, Jabatan Proses Pembuatan telah menganjurkan satu Program Khidmat Masyarakat iaitu 'Ceramah Kerjaya' di Auditorium, Tingkat 1, Bangunan Canselori, Durian Tunggal (ceramah) dan Makmal Fakulti Kejuruteraan Pembuatan Fasa B (Pameran). Program ini dianjurkan untuk 100 orang pelajar-pelajar tingkatan 4 dari Sekolah-sekolah Menengah terpilih dari seluruh Melaka. Sekolah-sekolah yang menyertai progam tersebut adalah Sekolah Berasrama Penuh Integrasi Selandar, Sekolah Menengah Teknik Jasin, Sekolah Menengah Kebangsaan Bukit Katil, Sekolah Menengah Teknik Melaka Tengah, Sekolah Menengah Teknik Datuk Seri Mohd Zin, Sekolah Menengah Kebangsaan Dato' Dol Said, Alor Gajah, dan Sekolah Menengah Kebangsaan Haji Talib Karim.

Objektif ceramah kerjaya ini adalah untuk memberikan penerangan kepada pelajar-pelajar mengenai peluang kerjaya yang boleh diperolehi di bidang kejuruteraan di samping memupuk minat para pelajar dalam bidang kejuruteraan terutamanya kejuruteraan pembuatan khususnya proses pembuatan. Progam ini juga bertujuan untuk memberikan garis panduan kepada para pelajar untuk membuat pemilihan kursus yang bersesuaian dengan kelayakan dan minat mereka.

Program ini dapat memberikan pendedahan awal berkaitan dengan pemilihan kursus di IPTA yang sangat diperlukan oleh para pelajar yang bakal menduduki peperiksaan penting khasnya seperti Sijil Pelajaran Malaysia. Dengan adanya pendedahan ini, pelajar dapat merancang dengan lebih tepat bidang yang mereka minati dan seterusnya meningkatkan motivasi pelajar untuk berusaha dengan lebih tekun dan gigih untuk mencapai matlamat mereka. Pendedahan sebegini juga mampu membuka mata para pelajar untuk mempunyai hala tuju hidup yang lebih jelas di bidang kejuruteraan. Di samping itu, program ini juga menjadi salah satu platform untuk mempromosikan Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) supaya menjadi universiti pilihan para pelajar.

Penganjuran Program Khidmat Masyarakat sebegini oleh pihak fakulti adalah penting bagi menyampaikan maklumat dan berkongsi ilmu dengan para pelajar sekolah supaya tidak ketinggalan dalam proses mendapatkan ilmu yang terbaik untuk memajukan diri mereka sejajar dengan pembangunan negara. Di samping itu, program ini menjadi salah satu sumbangan oleh pihak akademik dalam menaikkan tahap pendidikan setiap pelajar yang bakal menjadi peneraju negara di masa hadapan. Oleh itu, diharap program seumpama ini dapat diteruskan pada tahun akan datang.

## CERAMAH KERJAYA UNTUK PELAJAR TAHUN AKHIR BMFP

*Dr. Lok Yian Yian*

Ceramah kerjaya untuk pelajar tahun akhir BMFP anjuran Jabatan Proses Pembuatan telah diadakan pada 14 Mac 2009 di Bilik Kuliah 5, Bangunan Akademik, Kampus Industri UTeM. Dua orang pengurus di industri telah dijemput sebagai penceramah, iaitu En. Nor Azham bin Baharin (General Manager, CTRM Aero Composite Sdn. Bhd.) dan En Mohd Sabri Mohamad Zin (R & D Manager, Infineon Technologies (Malaysia) Sdn. Bhd).

Antara objektif ceramah ini adalah:
